

**KAJIAN KEBERKESANAN KURIKULUM DAN  
KO-KURIKULUM SERTA LATIHAN  
GURU TABIKA PERPADUAN**

**OLEH  
PROFESOR DR. FATIMAH DAUD**

**TAJAAN  
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN  
INTEGRASI NASIONAL  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**2007**

**RINGKASAN EKSEKUTIF**  
**KAJIAN KEBERKESANAN KURIKULUM DAN KO-KURIKULUM SERTA LATIHAN**  
**GURU TABIKA PERPADUAN**

**1. BIDANG KAJIAN**

Kajian ini ditumpukan kepada guru dan penolong guru Tabika Perpaduan di sekitar Selangor, Melaka dan Sarawak yang telah mengikuti latihan. Selain daripada menguji keberkesanan latihan yang diikuti oleh guru-guru, kajian ini juga ditumpukan kepada keberkesanan ko-kurikulum dan kurikulum yang diajar di kelas-kelas Tabika Perpaduan.

**2. OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini mempunyai objektif seperti berikut:

- a) Untuk mengkaji setakat mana keberkesanan kurikulum di kelas Tabika Perpaduan dapat mewujudkan perpaduan kaum.
- b) Untuk mengkaji setakat mana keberkesanan ko-kurikulum yang diajar di kelas Tabika Perpaduan itu dapat mewujudkan perpaduan kaum.
- c) Untuk mengkaji setakat mana latihan guru kelas Tabika Perpaduan dapat menghasilkan integrasi dan perpaduan di kalangan kanak-kanak.

**3. METODOLOGI**

Dalam mencapai objektif yang dinyatakan, kajian ini menggunakan kaedah pra-udi, kajiselidik, *indepth interview*, pemerhatian secara langsung, pemerhatian dan penyertaan serta perbincangan secara berkelompok. Sampel dipilih secara berkelompok (*cluster sampling*), berdasarkan negeri di mana ia terdiri daripada 248 orang guru dan penolong guru Tabika Perpaduan di sekitar Selangor, Melaka dan Sarawak ditemuduga.

**4. HASIL KAJIAN**

**4.1 KEBERKESANAN KURIKULUM DI KELAS TABIKA PERPADUAN DALAM MEWUJUDKAN PERPADUAN KAUM**

Berdasarkan kajian yang dijalankan, didapati bahawa lebih separuh daripada kanak-kanak dikatakan mencapai merit "Baik" untuk Bahasa Melayu, matapelajaran Agama Islam, Pendidikan Moral dan kemahiran fizikal. Tetapi ramai yang dikategorikan sebagai "Sederhana" untuk matapelajaran Bahasa Inggeris,

kemahiran berfikir, kematangan sosioemosi dan daya kreativiti. Ramai pula yang "Lemah" dalam Bahasa Cina dan Bahasa Tamil. Usaha-usaha perlu diperkuatkan lagi bagi menambahbaikkan lagi pengajaran mata-mata pelajaran yang dikategorikan sebagai sederhana dan lemah.

Seterusnya, kajian juga mendapati bahawa majoriti kanak-kanak berminat untuk mendengar adat-istiadat, pantang-larang, budaya dan kepercayaan kaum lain. Maka adalah dicadangkan kursus-kursus mengenai matapelajaran berhubung adat setiap kaum hendaklah diajar di dalam kelas Tabika Perpaduan. Kaedah pengajaran yang menggunakan gambar-gambar, VCD, televisyen dan lakonan drama serta nyanyian dan peralatan muzik setiap kaum perlu dilaksanakan.

Selain itu, majoriti guru dan penolong guru menjelaskan bahawa semasa proses pengajaran ada diselitkan cerita-cerita mengenai budaya berbagai kaum, kanak-kanak diterapkan dengan prinsip Rukun Negara di dalam kelas dan kanak-kanak diajar untuk mengenal pemimpin-pemimpin negara. Justeru, disarankan agar aktiviti-aktiviti ini diteruskan dalam sukanan kurikulum bagi memupuk perpaduan kaum.

### **Cadangan**

Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, maka kajian ini mencadangkan supaya diambil berat perkara-perkara berikut bagi menambahbaikkan lagi sukanan kurikulum Tabika Perpaduan dalam memupuk perpaduan kaum di kalangan kanak-kanak:

- a) Menyediakan bahan pengajaran dengan memasukkan ilmu pengetahuan mengenai budaya adat bagi setiap kaum di Malaysia. Sukanan matapelajaran yang ada sudah mencukupi, tetapi perlu ditambah dengan ciri-ciri kebudayaan dan kepercayaan setiap kaum untuk diketahui oleh setiap pelajar sebagai asas perpaduan kaum.
- b) Kajian mengenai ciri-ciri kebudayaan dan adat istiadat untuk setiap kaum perlu dibuat dan dibukukan untuk dijadikan buku teks. Misalnya, isi kandungan buku-buku teks mengenai adat resam dan kepercayaan berbagai kaum hendaklah mengandungi aspek-aspek berikut:
  - i. Perkahwinan

- ii. Kelahiran anak
  - iii. Kematian dan pengkebumian
  - iv. Agama dan kepercayaan
  - v. Perayaan
  - vi. Kod perlakuan
  - vii. Perhubungan sesama jiran
  - viii. Adat sosial
  - ix. Pantang larang
  - x. Makanan dan pantang larang
- c) Membuat CD untuk dimuatkan dengan ciri-ciri kebudayaan kaum
- d) Mengadakan drama yang memaparkan gambaran serta memasukkan unsur-unsur perpaduan kaum
- e) Mengadakan cerita kanak-kanak yang mempunyai unsur-unsur perpaduan dan perkahwinan campur
- f) Gambar-gambar mengenai upacara persandingan dalam majlis perkahwinan dengan pasangan mempelai lengkap berpakaian tradisional serta gambar-gambar adat resam upacara menyambut kelahiran anak, hari-hari perayaan dan adat kematian hendaklah dipamerkan di setiap kelas Tabika Perpaduan
- g) Hasil perbincangan dengan guru dan penolong guru, perpaduan kaum yang dipupuk di kelas Tabika Perpaduan tidak akan berkekalan sekiranya tidak diteruskan di dalam sekolah rendah dan seterusnya ke peringkat yang lebih tinggi. Sehubungan dengan itu, disarankan supaya pihak Kementerian Pendidikan bekerjasama dengan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional supaya menggunakan buku-buku rujukan yang disiapkan oleh pihak jabatan ini sebagai salah satu matapelajaran yang diajar di sekolah-sekolah.
- h) Mewujudkan kelas pelbagai bahasa kepada kanak-kanak
- i) Menerapkan nilai-nilai mumi di kalangan kanak-kanak. Sebagai contoh, memupuk semangat berkawan di kalangan kanak-kanak, menanamkan nilai kasih sayang, menerapkan sikap saling menghormati adat, budaya dan bantu-membantu tanpa mengira kaum, menanamkan sikap terbuka, berfikiran positif, toleransi, mencintai perpaduan dan kedamaian sejagat dan mengelakkan sikap perkauman.

- j) Mewujudkan sistem "kenaziran" untuk memastikan sistem kurikulum dilaksanakan dengan lebih berkesan.

#### **4.2 KEBERKESANAN KO-KURIKULUM TABIKA PERPADUAN BAGI MEWUJUDKAN PERPADUAN KAUM DI KALANGAN KANAK-KANAK**

Hasil kajian menunjukkan bahawa semua aktiviti ko-kurikulum yang dinyatakan membantu memupuk perpaduan kaum di kalangan kanak-kanak Tabika Perpaduan. Namun, aktiviti-aktiviti drama, permainan peralatan muzik, muzik, penyediaan alat bantu mengajar (ABM), pertandingan bercerita, tarian, tanaman (program bumi hijau) dan pertandingan melukis dinyatakan oleh guru dan penolong guru sebagai aktiviti ko-kurikulum yang paling berkesan untuk memupuk perpaduan kaum. Sehubungan dengan itu, aktiviti-aktiviti ini perlu dikekalkan dan diteruskan dalam ko-kurikulum Tabika Perpaduan.

Di samping itu, terdapat kegiatan ko-kurikulum ditemui sebagai aktiviti yang berpotensi dalam memupuk perpaduan kaum di kalangan kanak-kanak tabika. Aktiviti-aktiviti itu adalah pertandingan bola sepak, Hari Ibumapa, menggunakan Bahasa Kebangsaan semasa kegiatan ko-kurikulum, tabikarama, sambutan Hari Kemerdekaan, lawatan sambil belajar, sambutan harijadi bersama, sukaneka, Hari Graduan dan sambutan hari-hari perayaan. Oleh itu, adalah disarankan agar aktiviti-aktiviti ini **diperkuuhkan** dan **dipertingkatkan** lagi dalam usaha memupuk perpaduan kaum di kalangan kanak-kanak Tabika Perpaduan.

Selain itu, majoriti responden menyatakan bahawa dalam setiap aktiviti ko-kurikulum di dalam kelas Tabika Perpaduan ada berunsurkan dan menyemai ciri-ciri aktiviti yang melibatkan pelbagai kaum, semangat berpasukan berbagai etnik, memakai uniform, nyanyian yang terdiri daripada berbagai kumpulan etnik, menggunakan Bahasa Inggeris, memakai pakaian dari pelbagai etnik dan disediakan makanan pelbagai kaum. Justeru, adalah disarankan agar ciri-ciri ini **dikekalkan** dan **disemaikan** dalam setiap aktiviti ko-kurikulum di dalam kelas Tabika Perpaduan.

Seterusnya, sebilangan besar responden menyatakan bahawa golongan-golongan ibu, bapa, datuk, nenek, adik-beradik, menteri/ wakil rakyat/pemimpin masyarakat

dan pegawai daerah/pegawai kerajaan terlibat dalam setiap aktiviti ko-kurikulum yang diadakan. Hanya pembantu rumah yang majoritinya tidak terlibat dalam setiap aktiviti tersebut. Di samping itu, data menunjukkan bahawa sebahagian besar responden menyatakan bahawa pelajar berlainan etnik diletakkan semeja dan majoriti daripada mereka menjelaskan bahawa kanak-kanak tersebut tidak memohon untuk pindah ke meja kawan-kawan yang sama etnik selepas beberapa minggu. Selain itu, sebilangan besar responden juga menyatakan bahawa kanak-kanak digalakkan berinteraksi dengan kawan-kawan dari lain-lain etnik di dalam kelas. Majoriti daripada mereka menyatakan bahawa reaksi kanak-kanak tersebut pada mulanya adalah susah nak bergaul, tetapi lama-lama mereka boleh bergaul. Data juga menunjukkan bahawa sebahagian besar guru dan penolong guru menyatakan bahawa terdapat kanak-kanak dari berlainan kaum berkawan rapat di antara satu sama lain dalam kelas.

### **Cadangan**

Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, maka adalah dicadangkan supaya diambil berat perkara-perkara berikut dalam usaha menambahbaikkan lagi sukanan ko-kurikulum Tabika Perpaduan bagi memupuk perpaduan kaum di kalangan kanak-kanak:

- a) Mengadakan nyanyian dan muzik. Hasil kajian menunjukkan dua aspek ini berkesan dalam memupuk perpaduan kaum.
- b) Lawatan ke hari-hari perayaan perlu diteruskan.
- c) Mengadakan majlis perkahwinan olok-olok bagi setiap kaum supaya kanak-kanak dapat menyaksikan upacara itu dan memahami adat kaum-kaum lain.
- d) Lawatan sambil belajar ke tempat—tempat kaum yang berbilang etnik seperti di Sabah dan Sarawak.
- e) Mengadakan aktiviti yang melibatkan pelbagai kaum. Sebagai contoh, mengadakan gotong royong, mengadakan sambutan Hari Kemerdekaan, mengadakan rumah terbuka, mengadakan sukan, mengadakan ceramah, mengadakan Hari Keluarga, mengadakan lawatan integrasi antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.
- f) Mengadakan aktiviti-aktiviti di kalangan kanak-kanak yang berunsurkan perpaduan dan kebudayaan pelbagai etnik. Misalnya, mengadakan pertandingan lagu-lagu patriotik, mengadakan pertandingan membaca sajak,

- melukis dan mewarna, drama dan muzik, mengadakan pertandingan pakaian beragam, dan mengadakan aktiviti pertukaran pelajar dari kelas ke kelas.
- g) Menggalakkan percampuran dalam kumpulan dan pergaulan. Misalnya, menggalakkan kanak-kanak berinteraksi dan berkomunikasi dengan baik antara kaum, perbanyakkan aktiviti kumpulan yang terdiri daripada pelbagai kaum, menempatkan kedudukan murid di dalam kelas di dalam satu kumpulan yang terdiri daripada berbilang kaum terutamanya di awal persekolahan dan menggalakkan kanak-kanak agar bermain dan bergaul antara kaum.

#### **4.3 KEBERKESANAN KURSUS ATAU LATIHAN GURU TABIKA PERPADUAN DALAM MENGHASILKAN INTEGRASI DAN PERPADUAN DI KALANGAN KANAK-KANAK**

Hasil kajian mendapati bahawa sebilangan besar responden pernah mengikuti kursus atau latihan guru Tabika Perpaduan. Majoriti daripada mereka telah mengikuti banyak kursus.

Seterusnya, kajian mendapati bahawa sebilangan guru telah mengikuti Kursus Asas atau Induksi, Kursus Persijilan Perguruan Prasekolah dan Kursus Kemahiran. Hanya Kursus Diploma Perguruan Malaysia yang majoriti guru tidak menghadirinya kerana ia baru diperkenalkan. Bagi yang pemah mengikuti Kursus Kemahiran, Kursus Teknik Drama merupakan kursus yang paling banyak dihadiri oleh responden. Kemudian, ia diikuti oleh Kursus Komputer dan Kursus Bahasa Inggeris.

Selain itu, lain-lain Kursus Kemahiran yang diikuti oleh guru adalah Kursus Kejurulatihan, Kursus Bina Insan, Kursus Muzik, Kursus Senamrobik. Kursus Bina Negara, Kursus Mata. Kursus Professionalisme, Kursus Fitkid Kanak-Kanak, Kursus Lanjutan, Kursus Seni, Kursus Kecergasan Fizikal, Kursus Kecemasan, Kursus Edutrend T 21, Konvensyen Tabika Perpaduan, Kursus Tarian, Kursus Asuhan Kanak-Kanak, Kursus Pengurusan Tabika, Kursus Kratlangan, Kursus Cepat Membaca, Kursus Motivasi, Kursus Bahasa Isyarat, Kursus Peradaban, Kursus Jasmani, Kursus *Oral and Written*, Kursus Penyelia Kebajikan dan Kursus *I Learn*.

Bagi penolong guru pula, data yang diperolehi menunjukkan bahawa majoriti daripada mereka hanya pemah mengikuti Kursus Asas atau Induksi berbanding Kursus Persijilan perguruan Prasekolah (dalam perkhidmatan), Kursus Diploma Perguruan Malaysia dan Kursus Kemahiran.

Di samping itu, sebilangan besar guru menyatakan bahawa Kursus Asas atau Induksi, Kursus Persijilan Perguruan Prasekolah (dalam perkhidmatan) dan Kursus Kemahiran seperti Kursus Teknik Drama, Kursus Komputer, Kursus Bahasa Inggeris, Kursus Senamrobik dan Kursus Muzik membantu mereka dalam pengajaran dan pembelajaran. Bagi penolong guru pula, majoriti daripada mereka hanya menyatakan bahawa Kursus Asas atau Induksi membantu mereka dalam pengajaran dan pembelajaran berbanding Kursus Persijilan Perguruan Prasekolah (dalam perkhidmatan), Kursus Diploma Perguruan Prasekolah dan Kursus Kemahiran. Ini bersangkut-paut dengan jumlah mereka yang sedikit menghadiri kursus-kursus tersebut.

Selain itu, berdasarkan data yang diperolehi, dapat disimpulkan bahawa majoriti responden yang pernah menghadiri Kursus Asas atau Induksi, Kursus Persijilan Perguruan Prasekolah (dalam perkhidmatan), Kursus Diploma Perguruan Malaysia dan Kursus Kemahiran menyatakan bahawa tempoh kursus-kursus tersebut mencukupi.

Di samping itu, kajian juga mendapati bahawa sebahagian besar responden menyatakan bahawa setiap modul-modul Kursus Asas atau Induksi berguna dalam memupuk perpaduan kaum. Kegunaan dan kepentingan modul-modul Kursus Asas atau Induksi ini adalah mengikut tertib seperti berikut:

- a) Tugas dan peranan guru/penolong guru Tabika Perpaduan (89.5%)
- b) Memahami keperluan kanak-kanak (82.3%)
- c) Falsafah dan perkembangan pendidikan prasekolah (81.9%)
- d) Pengurusan kewangan tabika (77%)
- e) Pengurusan dan pengelolaan program prasekolah (75%)
- f) Penggunaan buku persediaan mengajar dan buku jadual (73.4%)
- g) Penghayatan kurikulum prasekolah kebangsaan (66.9%)
- h) Skim perkhidmatan guru/penolong guru Tabika Perpaduan (61.3%)

Sehubungan dengan itu, adalah disarankan agar modul-modul ini **dikekalkan** dan **diteruskan** di dalam Kursus Asas atau Induksi. Selain itu, kajian juga menunjukkan bahawa lebih (10%) responden menyatakan bahawa modul "Skim perkhidmatan guru/penolong guru Tabika Perpaduan" tidak berguna langsung dalam memupuk perpaduan kaum di kalangan kanak-kanak Tabika Perpaduan. Justeru, usaha-usaha perlu diperkuuhkan bagi menambahbaik lagi modul ini dalam usaha memupuk perpaduan kaum di kalangan kanak-kanak.

Di samping itu, kajian juga menunjukkan bahawa modul-modul Kursus Persijilan iaitu memahami kanak-kanak dan keperluan mereka (67.3%), pengenalan kurikulum pendidikan awal kanak-kanak (66.9%), perkembangan fizikal, daya estetika dan kreativiti kanak-kanak prasekolah (66.1%) dan Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral (61.7%), dinyatakan oleh responden sebagai modul-modul yang paling berguna bagi membantu mereka dalam pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, modul-modul ini perlu **dikekalkan** dan **diteruskan** sebagai modul Kursus Persijilan.

Seterusnya, kajian juga melihat bahawa terdapat modul-modul Kursus Persijilan yang berpotensi bagi membantu responden dalam pengajaran dan pembelajaran. Modul-modul tersebut adalah pendekatan pengajaran bahasa dan literasi (61.3%), pengurusan program prasekolah (58.9%) dan penilaian dan laporan prestasi kanak-kanak (58.9%). Maka dengan ini adalah penting bagi memperkuuhkan dan mempertingkatkan lagi isi kandungan modul-modul tersebut dalam usaha membantu responden dalam pengajaran dan pembelajaran.

Seterusnya, kajian juga menunjukkan bahawa sebahagian besar guru berpendapat bahawa Kursus Persijilan, isi kandungan, sukanan matapelajaran dapat membantu memupuk perpaduan kaum di kalangan kanak-kanak dan merubah sikap mereka terhadap perhubungan kaum. Namun, isi kandungan kursus perlu ditambah dengan lebih banyak pengetahuan kebudayaan setiap kaum bagi menambah baik lagi pengajaran di kalangan guru-guru.

### **Cadangan**

Bagi menambahbaik dan mempertingkatkan lagi keberkesanan kursus atau latihan guru Tabika Perpaduan dalam usaha memupuk perpaduan kaum di kalangan kanak-kanak Tabika Perpaduan, maka adalah dicadangkan dan disarankan perkara-perkara berikut:

- a) Mengadakan kursus mengenai berbagai adat bagi setiap kaum kepada guru agar dapat melahirkan guru celik budaya perpaduan. Kursus tersebut perlu mendalam supaya guru-guru dapat mengajar kepada kanak-kanak.
- b) Mengadakan kursus pelbagai bahasa kepada guru.
- c) Kursus Bahasa Inggeris hendaklah dibuat secara berterusan semasa cuti sekolah kepada guru dan setiap hari selepas kelas pagi kepada kanak-kanak Tabika Perpaduan.

## **5. KESIMPULAN**

Kesimpulannya, hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat sukan kurikulum dan ko-kurikulum serta latihan guru Tabika Perpaduan dinyatakan oleh guru dan penolong guru sebagai silibus yang paling berkesan, berpotensi dan tidak berkesan dalam mewujudkan perpaduan kaum di kalangan kanak-kanak. Justeru, kajian ini antara lain dapat membantu pihak Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional bagi "*restore*" dan "*updating*" silibus dalam kurikulum dan ko-kurikulum serta latihan yang diterima oleh guru Tabika Perpaduan dalam usaha mewujudkan perpaduan kaum di kalangan kanak-kanak. Kanak-kanak adalah tunggak penentu masa depan.